


TARIKH	KHAMIS, 6 JANUARI 2022
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	JEMAAH MENTERI SARAWAK ANGKAT SUMPAH JAWATAN
M/S	16
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES



Majlis angkat sumpah barisan Kabinet baharu Sarawak mencipta sejarah apabila buat kali pertama diadakan secara maya di hadapan Abdul Taib di Bangunan DUN Negeri Sarawak, malam kelmarin. (Foto BERNAMA)

Jemaah Menteri Sarawak angkat sumpah jawatan

Majlis pelantikan dijalankan secara hibrid menerusi televideo

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Jemaah Menteri Kabinet Sarawak mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Taib Mahmud, malam kelmarin.

Majlis Mengangkat Sumpah dan Pengkurniaan Watikah Pelantikan jawatan itu dijalankan secara hibrid menerusi televideo dengan Abdul Taib menyempurnakan dari kediamannya di Demak Jaya, manakala ahli Kabinet berada di Dewan Lapau, Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Amar Douglas Uggah Embas

mendahului senarai 10 Menteri dan 26 Menteri Muda yang mengangkat sumpah jawatan pada majlis berkenaan yang disaksikan oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abang Johari Abang Openg; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Amar Jaul Samion dan Speaker DUN Sarawak, Tan Sri Mohd Asfia Awang Nassar.

Ia diikuti Timbalan Ketua Menteri II, Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan dan Timbalan Ketua Menteri III, Datuk Seri Dr Sim Kui Hian.

Majlis kemudian diteruskan dengan tujuh lagi menteri, iaitu Datuk Seri Fatimah Abdullah, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah, Datuk Seri Lee Kim Shin, Datuk John Sikkie Tayai, Datuk Julaihi Narawi dan Datuk Roland Sagah Wee Inn mengangkat sumpah jawatan masing-masing.

Selesai 10 menteri terbabit, 26 menteri muda pula mengangkat sumpah didahului oleh Datuk Francis Harden Hollis, Datuk Dr Jerip Susil dan Datuk Liwan La-gang.

Ia disusuli oleh Datuk Rosey Yunus, Datuk Len Talif Saleh, Datuk Dr Abdul Rahman Juna-idi, Datuk Dr Abdul Rahman Is-mail, Datuk Sharifah Hasidah Sa-yeed Aman Ghazali, Dr Annuar Rapae; Datuk Dr Malcolm Mussen Lamoh, Datuk Dr Pen-guung Manggil, Datuk Snowdan Lawan; Datuk Abdullah Saidol, Datuk Sebastian Ting, Datuk Ge-rawat Gala, Dr Hazland Abang Hipni, Datuk Juanda Jaya, Aidel Lariwo, Datuk Henry Harry Ji-nep, Dr Ripin Lamat, Mohamad Razi Sitam, Martin Ben, Datuk Majang Renggi, Jefferson Jamit Unyat, Datuk Gerald Rentap Jabu dan Micheal Tiang Ming Tee.

Abang Johari mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri sejurus Gabungan Parti Sarawak (GPS) memenangi 76 daripada 82 kerusi pada Pilihan Raya Negeri Sarawak Ke-12 (PRN-12) pada malam 18 Disember lalu.

Pada 30 Disember lalu, beliau mengumumkan barisan kabinet baharu Sarawak yang terdiri da-ri-pada 10 menteri dan 26 menteri muda dengan 12 daripadanya adalah muka baharu.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM